

DILEMA MATI PUCCUK

Mahligai bahagia boleh runtuh andai suami isteri gagal dapat zuriat



**DOKTOR
KECEMASAN**
Dr. Mohamed Rafiq Fezal dan
Dr. Umriah Wahy Abdull Hakim
Pakar Obstetrik & Ginekologi
Hospital Dhana

tidak berupaya untuk mencapai dan mengekalkan ketegangan, ketegangan tidak memadai untuk penetrasi dalam hubungan seks atau ketidakupayaan dalam mengekalkan ketegangan selepas penetrasi untuk mencapai kepuasan hubungan seks.

Bagaimana zakar mengang

Lelaki yang normal selalunya apabila terangsang, isyarat akan dihasilkan daripada otak dan dihantar ke jantung untuk memberi arahan mengempam darah dengan segera ke saluran darah di bahagian zakar. Ini dibuktikan dengan dengupan jantung anda yang semakin laju dan kuat. Darah yang dipam akan memasuki saluran darah pada Corpus Cavernosum. Ereksi akan berlaku dan zakar akan menjadi keras.

Faktor masalah ereksi

Perjalanan darah boleh terganggu akibat pengerasan arteri (arteriosclerosis), diabetes, tekanan darah tinggi atau tahap kolestrol dalam darah yang luar biasa tingginya. Diabetes (kencing

masalah utama yang boleh dikaitkan dengan lemah tenaga batin.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, antara sebab mati pucuk adalah seseorang itu mengalami penyakit mental (kemurungan dan kebinatangan), kecederaan pada otak dan saraf tunjang, masalah kekurangan paras hormon testoteron, kegagalan fungsi hati dan buah pinggang, penyakit Parkinson, angin ahmar, komplikasi pembedahan kelenjar prostat atau pundi kencing, kesan sampingan ubat-ubatan, cara hidup yang tidak sihat seperti merokok dan kurang aktiviti fizikal.

Ubat yang diberikan doktor untuk merawat penyakit kencing manis, sakit jantung dan tekanan darah tinggi boleh menyebabkan lemah tenaga batin apabila diambil secara berterusan. Oleh itu, adalah baik jika pesakit berbincang dengan doktor kesan sampingan sebelum mula mengambalnya.

Pesakit dengan masalah jantung sering diberikan ubat yang mengandungi nitrat. Bahan aktif dalam

Sildenafil (Citrate) mampu berinteraksi dengan nitrat dan melegakan tekanan darah ke aras berbahaya dan boleh membawa maut.

Cara atasi masalah ini

Dengan kemajuan teknologi perubahan yang ada pada masa kini, kita mempunyai pilihan yang pelbagai seperti merawat menggunakan dadah atau ubat-ubatan, terapi suntikan, farmakoterapi melalui salutan kencing dan pembedahan implan zakar. Jika dilihat pada senario ini, seharusnya masyarakat kita terutama golongan yang berkelahwin sewajarnya mengambil serius untuk mengatasi masalah ini dari awal.

Ini kerana dengan mengamalkan cara hidup yang sihat dan menghindari aktiviti yang boleh menyumbang kepada masalah mati pucuk, adalah sangat baik seperti kata pepatah 'mencegah lebih baik daripada merawat' dalam konteks kerohanian

Secara umumnya, lemah tenaga batin atau lebih dikenali sebagai mati pucuk adalah keadaan yang merujuk kepada ciri-ciri kegagalan alat kelamin lelaki untuk mengang atau mengekalkan ketegangan sehingga mencapai kepuasan seks. Dalam istilah perubatan dikenali sebagai 'impotensi'. Mati pucuk ialah kecacatan yang serius yang di mana ia boleh meruntuhkan sesebuah institusi perkahwinan kerana pasangan tidak mendapat zuriat.

Menurut kajian dan sumber yang boleh dipercayai, pada masa ini lebih kurang tiga juta rakyat Malaysia mengalami masalah mati pucuk (erectile dysfunction - ED).

Simptom mati pucuk

